

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,
YBrs/Dr./ Ir./ Ts./ Tuan/Puan,
Hebahan koleksi keratan akhbar terpilih minggu ini untuk makluman dan rujukan.

1.	TAJUK	CUACA PANAS, KEMARAU JEJAS HASIL TANAMAN
	SUMBER	BH (9 FEBUARI 2026)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	18 (NASIONAL)

18

Nasional

Isnin, 9 Februari 2026 **BH**

Cuaca panas, kemarau jejas hasil tanaman

Pengusaha ubi kayu, limau kasturi terpaksa hadkan tanam pokok elak rugi

Oleh Zuliaty Zulkiffli
zhnews@bh.com.my

Alor Setar: Cuaca panas dan kemarau awal tahun ini menyebabkan tanaman ubi kayu dan pokok limau kasturi diusahakan Ahmad Nayan Awi, 60, di Kampung Yoi, Lorong Imam, Pokok Sena, di sini tidak menjadi seperti tahun sebelumnya.

Katanya, tanaman seluas empat hektar, iaitu dua hektar ubi kayu dan dua hektar pokok limau

kasturi terletak kira-kira 500 meter itu kurang membuahkan hasil.

"Sebelum cuaca panas bermula Januari lalu, penggunaan air tidak banyak seperti sekarang dan saya hanya menyiram sekali sehari pada tanaman, terutama pokok limau kasturi.

"Sekarang setiap hari saya menyiram air dua kali pada tanaman ini, iaitu pada sebelah pagi dan petang kerana bimbang pokok akan mati," katanya ketika ditemui di kebunnya, semalam.

Ahmad Nayan berkata, dia hanya mampu menanam 60 pokok limau kasturi sejak awal bulan lalu kerana bimbang cuaca panas pada awal tahun akan merosakkan tanaman pokok berkenaan.

Katanya, kalau diikutkan, pokok limau kasturi itu mampu ditanam lebih 100 pokok, tetapi disebabkan penggunaan air agak terhad dan sungai pula jauh, dia



Ahmad Nayan menyiram pokok limau kasturi yang diusahakannya di Kampung Yoi, Pokok Sena.

(Foto Zuliaty Zulkiffli/BH)

terpaksa menghadkan tanaman pokok berkenaan.

"Lepas cuaca kembali pulih nanti, saya akan tanam lebih banyak pokok limau kasturi di sini seperti biasa dan sekarang ada yang sudah berbunga, tetapi tak banyak pokok.

"Untuk tanaman ubi kayu, memang ada ubi berhasil, tetapi ia memerlukan banyak penggunaan air bagi memastikan ubi itu berkualiti sebelum dijual, tetapi dengan keadaan sekarang, ada

juga pokok ubi mati.

"Tahun ini memang panas terik luar biasa berbanding tahun sebelum ini dan saya usahakan tanaman ini pada sebelah pagi dan petang sahaja. Kalau tengah hari saya tak buat sebab panas sangat," katanya.

Hasil jualan berkurangan

Ahmad Nayan berkata, hasil buah limau kasturi dan ubi kayu untuk tahun ini juga berkurangan dan berharap cuaca akan

kembali normal tidak lama lagi.

Kelmarin media melaporkan, fenomena cuaca panas dan kemarau di Kedah ketika ini mencetuskan kekusaran susulan ketiadaan hujan sejak hampir dua bulan lalu.

Fenomena ini diklasifikasikan Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) secara umum dikenali sebagai gelombang haba apabila suhu maksimum harian melebihi 37 darjah Celsius selama tiga hari berturut-turut.

2.	TAJUK	HUTAN PAYA GELAM DI PAGOH PULA TERBAKAR
	SUMBER	BH (9 FEBRUARI 2026)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	18 (NASIONAL)

Hutan Paya Gelam di Pagoh pula terbakar

Muar: Jabatan Bomba dan Penyelamat (JPBM) mengesan satu lagi kebakaran kelmarin membabitkan kawasan hutan Paya Gelam, Mukim Jorak, Pagoh seluas kira-kira 54 hektar.

Kebakaran itu berlaku ketika operasi pemadaman di kawasan seluas 114 hektar milik Pertubuhan Peladang Negeri Johor (PPNJ) di Batu 13/14, Air Itam, di sini masih diteruskan.

Ketua Zon 4 JBPM Johor, Norshuhada Amsari, berkata kebakaran tanah gambut itu dikesan selepas anggota Balai Bomba dan Penyelamat Pagoh melakukan rondaan pemantauan sebelum ternampak keputihan asap ke udara.

Katanya, lokasi baharu itu juga hanya terletak kira-kira satu kilometer dari kawasan sektor D yang kini sedang terbakar, namun pihaknya berdepan kekangan susulan tiada akses kerana terdapat anak sungai.

"Justeru, kami terpaksa keluar semula dari lokasi ini (sektor D) untuk ke sana (Paya Gelam). Lokasi kebakaran terbaharu mengambil masa 45 minit perjalanannya dari Balai Bomba Pagoh.

"Seperti arahan dikeluarkan sebelum ini, semua balai dalam kawasan saya diminta membuat pemantauan mana-mana lokasi yang ternampak asap. Jadi, semalam, ada anggota balai membuat pemantauan sebelum mengesan kebakaran itu, katanya ketika dihubungi.

"Kami terpaksa keluar semula dari lokasi ini (sektor D) untuk ke sana (Paya Gelam). Lokasi kebakaran terbaharu mengambil masa 45 minit perjalanan dari Balai Bomba Pagoh.

Norshuhada berkata, operasi pemadaman kebakaran hutan Paya Gelam sudah pun bermula hari ini (semalam) yang mana membabitkan sebahagian anggota bertugas di ladang milik PPNJ.

"Kita terpaksa mengerahkan separuh anggota bertugas di ladang ini, memandangkan anggota yang ada terhad," katanya.

Sementara itu, mengenai kebakaran di sektor D, Norshuhada berkata, operasi pemadaman menunjukkan impak positif dengan sebahagian besar daripadanya

sudah berjaya dipadamkan.

Katanya, ketika ini anggota bertugas meneruskan operasi pemadaman bagi memastikan api berjaya dipadamkan sepenuhnya.

"Sehingga semalam (kelmarin), sebanyak 38 daripada 110 hektar kawasan tanah gambut ladang PPNJ berjaya dipadamkan sepenuhnya.

"Operasi memadam kebakaran sudah memasuki hari kesembilan membabitkan empat sektor iaitu sektor A seluas 10 hektar, sektor B (empat hektar), sektor C (lapan hektar), manakala sektor D (88 hektar).

"Bagi sektor D yang ditutup memandangkan berlaku dua letupan, helikopter jenis *Agusta AW139* (9M-BOD) digunakan untuk operasi pengeboman air.

"Semalam (kelmarin), 40 jatuhan air dilakukan melalui pemadaman udara dengan keseluruhan 32,000 liter. Alhamdulillah kami nampak ada perubahan memandangkan hujan mula membasahi lokasi kebakaran awal pagi tadi (pagi semalam)," katanya.



Anggota bomba masih memadamkan sisa kebakaran ladang PPNJ di Batu 13/14, Air Itam, Muar. (Foto ihsan bomba)

3.	TAJUK	LAGI TANAH GAMBUT TERBAKAR
	SUMBER	HARIAN METRO (9 FEBUARI 2026)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	12 (LOKAL)

lokal

BOMBA MUAR DIGERAK KE LOKASI

Lagi tanah gambut terbakar!

Oleh Alias Abd Rani
am@hmetro.com.my

Muar

Belum pun kebakaran ladang seluas 114 hektar milik Pertubuhan Peladang Negeri Johor (PPNJ) di Batu 13/14, Air Itam di sini, dipadam sepenuhnya, satu lagi kebakaran tanah gambut dikesan di daerah ini kelmarin.

Lokasi terbaru itu dikesan di hutan Paya Gelam, Mukim Jorak, Pagoh yang membabitkan kawasan seluas kira-kira 54 hektar dengan sebahagian daripada anggota bomba sudah digerakkan ke lokasi untuk operasi pemadaman.

Ketua Zon 4 JBPM Johor, Norshuhada Amsari, berkata, kebakaran tanah gambut dikesan selepas anggota Balai Bomba dan Penyelamat Pagoh melakukan rondaan pemantauan sebelum ternampak kepulan asap ke udara.

Katanya, lokasi baru hanya terletak kira-kira satu kilometer dari kawasan sektor D yang kini sedang terbakar namun pihaknya berdepan kekangan susulan tiada akses kerana terdapat anak sungai.



ANGGOTA bomba bertungkus-lumus memadam sisa kebakaran ladang PPNJ di Batu 13/14, Air Itam, Muar.

"Kami terpaksa keluar semula dari lokasi ini (sektor D) untuk ke sana (Paya Gelam). Lokasi kebakaran terbaru mengambil masa 45 minit perjalanan dari Balai Bomba Pagoh.

"Seperti arahan dikeluarkan sebelum ini, semua balai dalam kawasan saya diminta membuat pemantauan mana-mana lokasi ternampak asap. Jadi semalam, ada anggota balai membuat pemantauan sebelum mengesan kebakaran itu," katanya.

Norshuhada berkata, operasi pemadaman kebakaran hutan Paya Gelam sudah bermula semalam membabitkan sebahagian daripada anggota bertugas di ladang milik PPNJ.

"Kita terpaksa mengerahkan separuh anggota yang bertugas di ladang ini, memandangkan kekuatan yang ada terhadap," katanya.

Sementara itu, mengenai kebakaran di sektor D, Norshuhada berkata, operasi pemadaman menunjukkan impak positif dengan sebahagian besar daripadanya sudah berjaya dipadamkan.

Katanya, ketika ini anggota bertugas meneruskan operasi pemadaman bagi memastikan api berjaya dipadamkan sepenuhnya.

"Sehingga semalam, 38 daripada 110 hektar kawasan tanah gambut ladang PPNJ berjaya dipadamkan sepenuhnya.

"Operasi memadam kebakaran sudah memasuki hari kesembilan membabitkan empat sektor iaitu sektor A seluas 10 hektar, sektor B (empat hektar), sektor C (lapan hektar) manakala sektor D (88 hektar)," katanya.

4.	TAJUK	HUTAN DI KAKI BUKIT BENDERA, TAPAK PELUPUSAN SAMPAH PULAU BURUNG TERBAKAR : BOMBA 'TAK MEMANG TANGAN'
	SUMBER	HARIAN METRO (10 FEBUARI 2026)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	5 (LOKAL)

Georgetown

Bomba Pulau Pinang 'tidak menang tangan' apabila kawasan hutan seluas kira-kira satu ekar di kaki Bukit Bendera, di sini, dan tapak pelupusan sampah Pulau Burung, Nibong Tebal terbakar sejak petang kelmarin. Penolong Pengarah Bahagian Operasi Kebomhaan dan Penyelamat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Pulau Pinang John Sagun Francis berkata, seramai 25 anggota bersama enam jentera dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Paya Terubong, Jalan Lebu Pantai, Paya Seri Balik Pulau dan Bayan Baru dikerahkan ke lokasi selepas panggilan kecemasan diterima pada jam 3.41 petang.

Beliau berkata, Komander Operasi menjalankan penilaian awal dengan mengenakan kelengkapan perlindungan diri (PPE) sebelum melaksanakan kerja pengawalan dan pemadaman, termasuk membina laluan sekat api bagi menghalang kebakaran daripada merebak.

"Operasi pemadaman dan pengawalan dilakukan menggunakan peralatan *fire beater* dan *jet shooter*, selain kaedah serangan terus dengan sistem pengapaman secara *relay pumping*."

"Pasukan Bomba Sukarela (PBS) Bukit Bendera, Mount Erskine dan Paya Terubong turut digerakkan bagi membantu mempercepat operasi pemadaman," katanya semalam. John berkata, kebakaran



KAWASAN hutan seluas kira-kira satu ekar di kaki Bukit Bendera terbakar sejak petang kelmarin.

HUTAN DI KAKI BUKIT BENDERA, TAPAK PELUPUSAN SAMPAH PULAU BURUNG TERBAKAR

Bomba 'tak menang tangan'

berjaya dikawal pada 4.46 petang dan dipadam sepenuhnya pada 8.05 malam, sebelum kerja pemeriksaan dan pengawalan dijalankan bagi memastikan tiada sisa bara api yang boleh mencetuskan semula kebakaran.

"Keadaan di lokasi dila-

porkan selamat dan operasi ditamatkan pada 8.30 malam," katanya.

Dalam satu lagi kes berasingan John berkata, longgokan sampah di tapak pelupusan

sampah Pulau Burung, Nibong Tebal terbakar malam kelmarin.

John berkata, pihaknya menerima panggilan pada jam 8.13 malam dan mengge-

rakkan sepasukan 18 anggota bersama enam jentera dari BBP Nibong Tebal dan Sungai Bakap ke lokasi kejadian.

"Ketika ini operasi pemadaman masih dijalankan yang turut dibantu PBS dari Sungai Jawi, Nibong Tebal, Valdor, Tanjung Pian-

dang serta Parit Buntar selain sokongan dua unit ekskavator daripada Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSB)," katanya.

Beliau berkata punca kejadian masih dalam siasatan dan perkembangan akan dikemas kini dari masa ke semasa. - BERNAMA

Pihak bomba bina laluan sekat api bagi menghalang kebakaran merebak

5.	TAJUK	AKPS PINTAS SEMBILAN LAGI KONTENA E-SISA, BAHAN TERLARANG
	SUMBER	BH (13 FEBUARI 2026)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	18 (NASIONAL)

AKPS pintas sembilan lagi kontena e-sisa, bahan terlarang

Pelabuhan Klang: Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS) memintas sembilan lagi kontena yang dimuatkan dengan sisa elektronik (e-sisa) dan bahan terlarang lain dalam satu pemeriksaan bersepadu di Westports, di sini, kelmarin.

Operasi yang diketuai Komander Pelabuhan Klang, Datuk Nik Ezanee Mohd Faisal itu dijalankan kira-kira jam 3 petang di tapak pemeriksaan pengimbas CT1 di pelabuhan berkenaan.

Nik Ezanee berkata, pemeriksaan di bawah Ops Green Shield itu membabitkan 10 kontena yang ditandakan untuk pemeriksaan fizikal, dengan sembilan daripadanya didapati mengandungi e-sisa, sisa terjadual disyaki serta bahan sekerap bercampur.

"Daripada 10 kontena yang diperiksa, tujuh didapati mengandungi pelbagai jenis e-sisa, satu mengandungi sisa terjadual yang disyaki sanga aluminium, dan satu lagi dimuatkan dengan sekerap plastik dan kertas bercampur.

"Hanya satu kontena yang membawa jentera industri didapati teratur dan tidak mengandungi barangan terlarang," katanya menerusi kenyataan, semalam.

Beliau berkata, pemeriksaan itu dijalankan dengan penyertaan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), SIRIM Berhad,



Antara kontena yang mengandungi e-sisa yang berjaya dipintas AKPS dalam satu pemeriksaan bersepadu di Westports, Pelabuhan Klang, kelmarin.
(Foto ihsan AKPS Port Klang)

polis, Pihak Berkuasa Pelabuhan Klang serta Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor.

"Antara barangan yang ditemui dalam tujuh kontena e-sisa itu ialah CPU terpakai, pencetak, mesin faks, mesin fotostat, papan kekunci dan komponen jentera berat.

"Penghantaran itu berasal dari beberapa pelabuhan di Amerika Syarikat, termasuk Los Angeles, Norfolk, California dan New York," katanya.

Nik Ezanee berkata, satu kontena diisytiharkan sebagai mengandungi e-sisa dan sekerap logam serta dikaitkan dengan se-

orang pengimport tempatan.

"Selain e-sisa, satu kontena didapati mengandungi sisa terjadual yang disyaki sanga aluminium seberat lebih 23,000 kilogram (kg).

"Pengimportan sisa terjadual adalah dilarang sama sekali di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

"Bahan sedemikian menda-tangkan risiko kepada alam se-kitar dan kesihatan awam jika tidak diuruskan dengan betul," katanya.

Satu lagi kontena pula didapati mengandungi 20,474kg sekerap plastik dan kertas bercampur.

6.	TAJUK	700 TONNES OF E-WASTE FOUND AT PORT KLANG
	SUMBER	NST (13 FEBRUARY 2026)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ENVIRONMENT
	MUKA SURAT/RUANGAN	8 (NEWS/)

OP GREEN SHIELD

700 TONNES OF E-WASTE FOUND AT PORT KLANG

Large-scale operation part of sustained enforcement strategy, says MCBA

AUSTIN CAMOENS
PORT KLANG
news@nst.com.my

MORE than 700 tonnes of electronic waste (e-waste) and other scheduled waste have been detected at Port Klang in a

blitz spearheaded by the Malaysian Border Control and Protection Agency (MCBA).

The large-scale operation, dubbed Op Green Shield, marks one of the most aggressive crackdowns yet on illegal e-waste imports at the country's busiest maritime gateway.

Sources at the port told the *New Straits Times* that five operations had been launched to date, during which 81 containers were physically inspected as part of sustained risk profiling and intelligence-led targeting.

"Thirty containers were found to contain waste, including e-waste and other controlled materials," said a source.

Under the first and second operations, 52 containers were inspected, with six testing positive



One of the containers inspected by the Malaysian Border Control and Protection Agency and found to contain electronic waste. PIC COURTESY OF MALAYSIAN BORDER CONTROL AND PROTECTION AGENCY

for e-waste, amounting to 148.1 tonnes. The third operation saw nine containers inspected with six positive for e-waste, totalling 158.1 tonnes.

The fourth operation recorded the highest positive detection rate, with nine out of 10 inspected containers found to contain e-waste, weighing 201.3 tonnes.

Wednesday's operation saw MCBA inspecting another 10 containers, seven of which were positive for e-waste while the other two involved other waste.

"Op Green Shield is not a one-

off exercise. It is part of a sustained enforcement strategy to dismantle syndicates attempting to misdeclare or smuggle waste materials into the country," said MCBA Port Klang commander Datuk Nik Ezanee Mohd Faisal.

He said the most recent inspection covered 10 containers flagged for physical examination.

The inspection was conducted with the participation of the Malaysian Anti-Corruption Commission, Sirim Bhd, police, Port Klang Authority and Selangor Environment Department.

Sekiranya YBrs/ Dr./ Ir./ Ts. /Tuan/Puan, memerlukan maklumat lanjut, hubungi
Unit Perpustakaan EiMAS di emel berikut:

1. Haslinda Binti Mustafa (haslindamustaffa@doe.gov.my)
2. Jamilah Binti Abdullah (jamilah@doe.gov.my)
3. Azrawirda Zarza Binti Aznan (zarza@doe.gov.my)

**Perpustakaan Enviro Digital@Eimas
Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS)
Jabatan Alam Sekitar
Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
43600 UKM Bangi, Selangor**